

**PERMODELAN HUBUNGAN ANTARA KEKUATAN SISTEM, FAKTOR
PENGGUNA DAN GAYA PENGURUSAN SEKOLAH DENGAN
KEJAYAAN PENGGUNAAN APLIKASI SISTEM MAKLUMAT
PENGURUSAN PENDIDIKAN**

MOHD FAIZAL MD KARIM

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
DOKTOR FALSAFAH (SISTEM MAKLUMAT DAN PENGURUSAN)**

**FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2018**



ABSTRAK

Kajian ini adalah satu usaha yang dijalankan untuk mengetahui sejauh mana tahap penggunaan Pengurusan Sistem Maklumat Pendidikan (EMIS) di sekolah seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan. Dalam penyelidikan ini, kejayaan penggunaan EMIS dilihat dari segi manfaat kepada individu dan organisasi. Reka bentuk penyelidikan ini adalah korelasi-deskriptif dan data kuantitatif dikumpul dengan menggunakan soal selidik. Penyelidikan ini menggunakan teknik pensampelan rawak strata untuk memilih 607 responden. Data kajian dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis regrasi berganda. Kajian ini mendapati empat daripada enam faktor iaitu Kepuasan Pengguna EMIS ($\beta = .45$), Penglibatan Pengguna EMIS ($\beta = .25$), Kekuatan Sistem EMIS ($\beta = .24$), Kefahaman Pengguna EMIS ($\beta = .20$) adalah faktor penyumbang yang signifikan kepada kejayaan penggunaan EMIS dan menghasilkan persamaan regresi ($\hat{Y}_{K-EMIS} = -0.19 + 0.24(\text{Kekuatan Sistem (KS)}) + 0.20(\text{Kefahaman Pengguna (KP)}) + 0.25(\text{Penglibatan Pengguna (PP)}) + 0.45(\text{Kepuasan Pengguna (KPP)})$), persamaan regresi piawai ($Z_{\hat{Y}_{K-EMIS}} = 0.22Z_{KS} + 0.061Z_{KP} + 0.26Z_{PP} + 0.44Z_{KPP}$). Didapati tidak semua faktor yang dicadangkan dalam model kerangka konsep menunjukkan korelasi yang signifikan dengan pemboleh ubah kejayaan penggunaan EMIS. Faktor kefahaman pengguna EMIS didapati tidak signifikan dari segi korelasinya dengan pemboleh ubah kejayaan penggunaan EMIS dan terpaksa dikeluarkan daripada Model Kejayaan Penggunaan EMIS. Implikasi daripada kajian ini Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menambahbaik dasar sedia ada yang digunakan untuk membangunkan aplikasi pengurusan sistem maklumat di Kementerian selaras dengan intipati Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.





THE MODELLING RELATIONSHIP BETWEEN SYSTEM STRENGTH, USER FACTORS AND SCHOOL MANAGEMENT STYLE WITH THE SUCCESSFUL USE OF EDUCATIONAL MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM

ABSTRACT

This study aims to examine the success of Education Information System Management (EMIS) use in schools throughout Perak Darul Ridzuan. The successful use of EMIS was seen in terms of benefits to the individuals and organization. The dependent variable was the success of EMIS Application use, whereas the independent variables were system strengths, user factors and management styles. The research used descriptive-correlative design and the quantitative data was collected using questionnaires. This research used survey methods and employed stratified random sampling technique to select 607 respondents. The data were analysed descriptively and inferentially (multiple regression). It was found that four of the six factors, which were EMIS users satisfaction ($\beta = .45$), EMIS users involvement ($\beta = .25$), EMIS System Strength ($\beta = .24$) and EMIS users understanding ($\beta = .20$) were the significant contributors to the success of EMIS and produce regression equation ($Y\text{-hat}_{K\text{-EMIS}} = -0.19 + 0.24(\text{System Strength (SS)}) + 0.20(\text{Users Understanding (UU)}) + 0.25(\text{Users Involvement (UI)}) + 0.45(\text{Users Satisfaction (US)})$), standardized regression equation ($Z_{Y\text{-hat}_{K\text{-EMIS}}} = 0.22Z_{SS} + 0.061Z_{UU} + 0.26Z_{UI} + 0.44Z_{US}$). However, the findings showed that not all factors proposed in the conceptual framework model showed significant relationship with the success of EMIS use variable. User understanding was not significantly correlated with the success of EMIS use, thus had to be removed from the Success of EMIS Model. The implication of this study recommends Ministry Of Education Malaysia to amend the existing policy on educational system management currently in use so that it is in line with Malaysia Educational Development Plan, 2013-2025.



KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	II
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	VI
ABSTRACT	VII
KANDUNGAN	VII
SENARAI JADUAL	XIV
SENARAI RAJAH	XVIII
SENARAI SINGKATAN	XVIII
SENARAI LAMPIRAN	XXII
BAB 1 PENGENALAN	2
1.1 Pendahuluan	2
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (SMPP/EMIS)	3
1.2.2 Perkembangan Kajian Sistem Maklumat Pengurusan Di Dunia	5
1.2.3 Perkembangan Kajian Di Kementerian Pendidikan Malaysia	
1.2.4 Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan Di Sekolah	13



1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Obejktif Kajian	17
1.5 Soalan Kajian	19
1.6 Hipotesis	20
1.6.1 Hipotesis Kajian	20
1.6.2 Hipotesis NULL	22
1.7 Kerangka Konsep Kajian	27
1.8 Kepentingan Kajian	30
1.9 Batasan Kajian	31
1.10 Definisi Operasional	32
1.10.1 Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan Berasaskan Komputer	32
1.10.2 Pengguna Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan	33
1.10.3 Kefahaman Pengguna Tentang Penggunaan Sistem Maklumat	33
1.10.4 Kekuatan Sistem Maklumat	33
1.10.5 Masalah Dalam Penggunaan Sistem Maklumat	34
1.10.6 Gaya pengurusan Pentadbir sekolah	35
1.10.7 Penglibatan Pengguna	35
1.10.8 Kepuasan Pengguna	36
1.10.9 Indikator Kejayaan Aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan	36
1.10.10 Pengguna Sistem Maklumat	37
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	38
2.1 Pendahuluan	
2.2 Penggunaan Sistem Maklumat Dalam Organisasi	39





2.3	Kesesuaian Sistem Maklumat	40
2.4	Kefahaman Pengguna Tentang Penggunaan Sistem Maklumat	42
2.5	Masalah Perlaksanaan Sistem Maklumat	44
2.6	Gaya Pengurusan Pengurus	49
2.7	Kejayaan Penggunaan Sistem Maklumat	51
2.8	Penglibatan Pengguna	59
2.9	Kepuasan Pengguna Sistem Maklumat	62
2.10	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Penggunaan Sistem Maklumat	68
2.11	Pendekatan Teori	75
2.12	Model-Model Kejayaan Sistem Maklumat Pendidikan	84
2.12.1	Model Pengurusan Sistem Maklumat	85
2.12.2	Model Kejayaan Sistem Maklumat Pengurusan Delone & McLean	87
2.12.3	Model Kejayaan Sistem Maklumat Pengurusan His-Peng Lu dan Jyun-Yu Wang	87
2.12.4	Model Kejayaan Sistem Maklumat Pengurusan Seddon	89
2.12.5	Model Kejayaan Sistem Maklumat Yang Dicadangkan	90
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		93
3.1	Pendahuluan	93
3.2	Reka Bentuk Kajian	94
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	95
3.4	Penentuan Saiz Sampel Kajian	97
3.4.1	Prosedur persampelan dalam kajian ini adalah seperti berikut:	
3.5	Instrumen Kajian	103





3.5.1	Pembinaan Instrumen Soal Selidik	103
3.5.2	Instrumen soal selidik	104
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	112
3.6.1	Kesahan	112
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	114
3.7	Kajian Rintis	117
3.7.1	Kesahan instrumen kajian	118
3.7.2	Kebolehpercayaan instrumen kajian	119
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	127
3.9	Prosedur Penganalisan Data	128
3.9.1	Analisis data kuantitatif	128



BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN **132**

4.1	Pengenalan	132
4.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	134
4.2.1	Kesahan Instrumen	134
4.2.2	Kebolehpercayaan Instrumen	134
4.3	Analisis untuk Menguji Hipotesis dan Menjawab Soalan Kajian	135
4.4	Laporan Statistik Deskriptif	140
4.4.1	Soalan 1: Apakah Latar Belakang Pengguna Aplikasi EMIS di Sekolah?	141
4.4.2	Soalan 2: Apakah Tahap Penglibatan Pengguna dalam Penggunaan EMIS?	
4.4.3	Soalan 3 : Apakah Tahap Kefahaman Pengguna dalam Penggunaan EMIS?	151
4.4.4	Soalan 4 : Apakah Tahap Kepuasan Pengguna dalam Penggunaan EMIS?	158
4.4.5	Soalan 5 : Apakah Kejayaan Penggunaan EMIS di Sekolah ?	160





4.4.6	Soalan 6 : Apakah Masalah yang Dihadapi Semasa Pelaksanaan EMIS?	165
4.4.7	Soalan 7 : Apakah Kekuatan EMIS	168
4.4.8	Soalan 8: Apakah Gaya Pengurusan Pentadbir Sekolah dalam Penggunaan EMIS?	171
4.5	Analisis Statistik Inferens	176
4.5.1	Kenormalan dan Kelinearan Taburan Data	176
4.6	Laporan Analisis Statistik Inferensi	178
4.6.1	Soalan 9 : Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Kekuatan EMIS Dengan Kejayaan Penggunaan EMIS?	177
4.6.2	Soalan 10 : Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Kefahaman Penggunaan Tentang EMIS Dengan Kejayaan Penggunaan EMIS?	178
4.6.3	Soalan 11 : Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Gaya Pengurusan Pengetua Sekolah Dengan Kejayaan Penggunaan EMIS?	178
4.6.4	Soalan 12: Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Masalah Yang Dihadapi Semasa Pelaksanaan EMIS Dengan Kejayaan Penggunaan EMIS?	179
4.6.5	Soalan 13: Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Penglibatan Pengguna EMIS Dengan Kejayaan Penggunaan EMIS?	180
4.6.6	Soalan 14: Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Kepuasan Penggunaan EMIS Dengan Kejayaan Penggunaan EMIS?	181
4.6.7	Soalan 15: Faktor Kekuatan Sistem (KS) , Gaya Pengurusan Sekolah (GPS), Kefahaman Pengguna KP), Masalah Pelaksanaan (MP), Penglibatan Pengguna (PP) Dan Kepuasan Pengguna (KP) Merupakan Peramal Kepada Kejayaan Penggunaan EMIS?	181
4.6.8	Soalan 16: Apakah bahagian varian Kejayaan Penggunaan Emis yang boleh diramal oleh Faktor Kekuatan Sistem, Gaya Pengurusan Sekolah, Kefahaman Pengguna, Masalah Pelaksanaan, Penglibatan Pengguna Dan Kepuasan Pengguna?	185
4.6.9	Soalan 17: Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dari Segi Keperluan Latihan (Formal dan Lanjutan) Menggunakan EMIS Di Antara Sekolah?	187
4.5	Rumusan	192
BAB 5 KESIMPULAN		194
5.1	Pendahuluan	194
5.2	Perbincangan	199





5.2.1	Faktor Kefahaman	199
5.2.2	Manfaat kepada individu dan organisasi	200
5.2.3	Tahap penglibatan pengguna	202
5.2.4	Tahap Kepuasan Pengguna	205
5.2.5	Tahap Masalah Yang Dihadapi Semasa Pelaksanaan EMIS	207
5.2.6	Kekuatan Sistem	208
5.2.7	Gaya Pengurusan Pentadbir	209
5.2.8	Keperluan Latihan	210
5.3	Implikasi Kajian	211
5.3.1	Implikasi Teoretikal	212
5.3.2	Implikasi Praktikal	213
5.4	Kesimpulan	214
5.4.1	Model Kejayaan Penggunaan EMIS	214
5.5	Cadangan	216
5.6	Cadangan Kajian akan Datang	217
	RUJUKAN	219
	LAMPIRAN	249



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Fokus Kajian	23
3.1	Bilangan Sekolah Rendah dan Menengah mengikut jenis sekolah, lokasi dan kategori	95
3.2	Bilangan sekolah mengikut jenis dan lokasi di Negeri Perak	97
3.3	Sampel dan populasi mengikut lokasi sekolah di Negeri Perak	101
3.4	Pembahagian item mengikut Soal Selidik	103
3.5	Skala Likert empat mata yang digunakan	104
3.6	Pekali Kebolehpercayaan Soal Selidik	115
3.7	Kesahan dan kebolehpercayaan dimensi-dimensi bagi komponen kekuatan EMIS bagi faktor-faktor kejayaan pengurusan sistem maklumat EMIS di sekolah	119
3.8	Kesahan dan kebolehpercayaan dimensi bagi komponen masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan EMIS bagi faktor kejayaan pengurusan sistem maklumat EMIS di sekolah	121
3.9	Kesahan dan kebolehpercayaan dimensi bagi komponen gaya pengurusan pentadbir sekolah bagi faktor-faktor kejayaan pengurusan sistem maklumat EMIS di sekolah	122
3.10	Kesahan dan kebolehpercayaan dimensi bagi komponen penglibatan pengguna EMIS bagi faktor-faktor kejayaan pengurusan sistem maklumat EMIS di sekolah	123
3.11	Kesahan dan kebolehpercayaan dimensi bagi komponen kepuasan pengguna terhadap penggunaan EMIS bagi faktor-faktor kejayaan pengurusan sistem maklumat EMIS di sekolah	124

3.12	Kesahan dan kebolehppercayaan dimensi bagi komponen kejayaan penggunaan EMIS di sekolah bagi faktor-faktor kejayaan pengurusan sistem maklumat EMIS di sekolah	125
3.13	Interpretasi skor min bagi faktor-faktor kejayaan penggunaan Aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan (EMIS) di sekolah	128
4.1	Kesahan Item Instrumen	133
4.2	Indeks kebolehppercayaan instrumen kajian	134
4.3	Skala Likert empat mata untuk mengukur tahap hubungan pembolehubah	137
4.4	Skala Likert empat mata untuk mengukur tahap hubungan pembolehubah	137
4.5	Julat Mata bagi penentuan tahap kefahaman	137
4.6	Indeks Pekali Korelasi bagi kekuatan hubungan antara dua pembolehubah	138
4.7	Taburan Responden Mengikut Umur	140
4.8	Taburan Responden Mengikut Bangsa	141
4.9	Taburan Responden Mengikut Jantina	141
4.1	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja Di Sekolah	142
4.11	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	143
4.12	Taburan Responden Mengikut Jenis Lokasi Sekolah Tempat Berkhidmat	143
4.13	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Menggunakan Komputer	144
4.14	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Menggunakan Sistem Maklumat Pengurusan	145
4.15	Taburan Responden Mengikut Kekerapan Menggunakan EMIS	146
4.16	Taburan Responden Mengikut Tujuan Menggunakan EMIS	146
4.17	Taburan Responden Mengikut Mendapat Latihan (Formal Atau Tidak Formal) Sebelum Menggunakan Sistem EMIS	147
4.18	Taburan Responden Mengikut Keperluan Latihan Lanjutan Untuk Menggunakan EMIS	148
4.19	Tahap keseluruhan penglibatan pengguna EMIS	148



4.20	Taburan Responden Mengikut Penglibatan Pengguna EMIS	150
4.21	Taburan Responden Mengikut Kefahaman Pengguna Tentang Penggunaan EMIS Di Sekolah (Bahagian 1)	152
4.22	Taburan Responden Mengikut Kefahaman Pengguna Tentang Penggunaan EMIS Di Sekolah (Bahagian 2)	154
4.23	Tahap Keseluruhan Kepuasan Pengguna Terhadap Penggunaan EMIS	157
4.24	Taburan Responden Mengikut Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Penggunaan EMIS	158
4.25	Tahap Keseluruhan Kejayaan Penggunaan EMIS	159
4.26	Manfaat Penggunaan EMIS di sekolah kepada individu	159
4.27	Manfaat penggunaan EMIS di Sekolah kepada Organisasi	160
4.28	Taburan Responden Mengikut Kejayaan Penggunaan EMIS Di Sekolah	162
4.29	Tahap Keseluruhan Masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan EMIS	164
4.30	Taburan Responden Mengikut Permasalahan Yang Dihadapi Semasa Pelaksanaan EMIS	166
4.31	Taburan Responden Mengikut Kekuatan EMIS	169
4.32	Taburan Responden Mengikut Gaya Pengurusan Pentadbir Sekolah	173
4.33	Hubungan Linear (r) di antara Kejayaan Penggunaan EMIS dan Faktor – Faktor Kejayaan	176
4.34	Korelasi di antara keseluruhan pembolehubah tak bersandar dengan kejayaan penggunaan EMIS	181
4.35	Analisis Varians	183
4.36	Output SPSS bagi model ramalan Persamaan Regresi	184
4.37	Ringkasan Model Pembolehubah peramal	187
4.38	Statistik kumpulan (keperluan latihan)	189
4.39	Ujian-t sampel bebas (keperluan latihan)	189
4.40	Statistik kumpulan (masalah pelaksanaan EMIS)	191
4.41	Ujian-t sampel bebas (masalah pelaksanaan EMIS)	191



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Model User Information Satisfaction (UIS) atau User Satisfaction (US)	28
2.1	Teori Sistem Maklumat	80
2.2	Teori Subsistem MIS	80
2.3	Model Sistem Maklumat Pengurusan	84
2.4	Model Unifield Theory of Acceptance and Use of Tecnology (UTANT)	85
2.5	Model Sistem Maklumat Pengurusan	85
2.6	Model Kejayaan Sistem Maklumat Pengurusan	87
2.7	Model Kejayaan Sistem Maklumat Pengurusan	88
2.8	Model Kejayaan Sistem Maklumat Pengurusan	89
2.9	Model Kejayaan Sistem Maklumat Yang Dicadangkan	91
4.1	Plot kebarangklian normal statistik pencongan dan kurtison	176
4.2	Kerangka Konsep Kejayaan Penggunaan EMIS	192
5.1	Model Kejayaan Penggunaan EMIS	214

SENARAI SINGKATAN

BPPDP Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

CFAA Agensi Analisis Kewangan China

DSS Decision Support System

EIS Executive Information System

EIS Sistem Maklumat Eksekutif

EMIS / SMPP Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan

ES Expert System

ESS Executive Support System

HRMIS Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam

ICASE Integrated Computer-Aided Software Engineering

IDT Innovation Diffusion Theory

IVRS Sistem Menjawab Panggilan Telefon Yang Interaktif

JPA Jabatan Perkhidmatan Awam

JPN Jabatan Pendidikan Negeri

KWS Knowledge Work System

MIS Management Information System

MSC	Koridor Raya Multimedia
OAS	Sistem Automasi Pejabat
OAS	Office Automation System
PEU	Perceived Ease of Use
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PSTM	Pelan Strategik Teknologi Maklumat
PU	Perceived Usefulness
SAMS	School Administration and Management System
SDM	Sistem Data Murid
SDPBT	Sistem Data Pinjaman Buku Teks
SMPP-KPM	Sistem Pengurusan Data Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPPBS	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SPPP	Sistem Pelantikan Pengawas Peperiksaan
SSDM	Sistem Salahlaku Dan Disiplin Murid
TAM	The Acceptance Model
TPS	Sistem Pemprosesan Transaksi
UIS	User Information Satisfation
US	User Satisfaction
UTANT	Unifield Theory of Acceptance and Use of Tecnology

SENARAI LAMPIRAN

A Soal-Selidik

B Senarai Nama Panel Pakar Soal-Selidik

C Jadual Saiz Sampel Mengikut Krejcie dan Morgan (1970)



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Pengurusan sistem maklumat merupakan sebuah sistem yang dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan pelbagai aktiviti dan tugas dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi. Pada masa akan datang, pengurusan sistem maklumat ini akan dapat menangani kehendak, cabaran dan pelbagai masalah pengurusan dan pentadbiran organisasi. Aplikasi pengurusan sistem maklumat akan menjadi sangat penting khususnya dalam aspek perancangan, perekodan, pencapaian maklumat dan penghasilan bahan maklumat. Oleh itu, satu kajian haruslah dilakukan untuk menentukan sesebuah pengurusan sistem maklumat itu telah dibangunkan dengan berjaya.





1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (SMPP/EMIS)

Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) telah menjalankan proses pengumpulan data pendidikan dari secara terus daripada sekolah-sekolah di seluruh Negara atau melalui perantaraan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Rentetan beberapa kelemahan pada kaedah/sistem yang digunakan sepanjang projek pengutipan data dijalankan pelbagai langkah pembaharuan/penyelidikan/penambahbaikan dibuat terhadap kaedah/sistem pengutipan data pendidikan. Satu-satunya kaedah pengumpulan data yang popular adalah kaedah kutipan menggunakan aplikasi SMPP/EMIS.

SMPP/EMIS adalah singkatan bagi sistem maklumat pengurusan pendidikan. Ia merupakan satu sistem yang berstruktur, terancang dan terurus untuk mengumpul, memproses, menyimpan, mengeluarkan dan menyebarkan data dan maklumat yang diperlukan untuk menyokong aktiviti utama pengurus dan pembuat keputusan di Kementerian Pendidikan Malaysia, JPN, PPD dan sekolah. Ini termasuk aktiviti pentadbiran, perancangan, pengesanan, pengawalan projek serta pelaksanaan program, penyelidikan, analisis dasar, pengubalan dasar dan komunikasi di peringkat, serantau dan global (Markhaini, 2003).





Ia adalah satu proses operasi yang rasmi, tatacara dan perjanjian kerjasama di mana data dan maklumat sekolah dan persekolahan, kemudahan, guru, murid dan pembelajaran dikutip secara berterusan, dihitung dan disusun, diproses dan disebar untuk kegunaan mereka yang bertanggungjawab membuat keputusan, pengurusan dan pentadbiran di setiap peringkat sistem pendidikan iaitu dari sekolah, ke daerah, ke negeri dan ke BPPDP Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada dasarnya, pembentukan projek SMPP/EMIS adalah bermanfaat untuk memastikan bahawa maklumat pendidikan yang dibekalkan adalah relevan, terkini, berkualiti dan dapat memenuhi keperluan pihak pengurusan dan pemutus dasar. SMPP/EMIS diharapkan dapat meningkatkan kemampuan organisasi dalam memproses dan menganalisis maklumat secara efektif bertujuan untuk menyokong pihak pengurusan dan pemutus dasar. Selain itu SMPP/EMIS dapat meningkatkan kemampuan organisasi dalam mengurus dan membangunkan sumber maklumat kementerian.

Proses kutipan data yang dilaksanakan menggunakan platform secara atas talian membantu mempercepatkan proses kutipan data maklumat asas pendidikan. Menurut Laporan Seminar Kebangsaan Pengurusan Maklumat Pendidikan EMIS ke-IX (2008). Di antara masalah yang membawa kepada sebab EMIS dibangunkan ialah maklumat tentang hal ehwal pelajar dan guru yang dikehendaki sukar dicapai dengan segera, maklumat sukar dikemaskinikan kerana format setiap sistem berlainan antara satu sama lain, laporan untuk pihak pentadbir sukar dibuat dan tidak lengkap, keselamatan rekod-rekod tidak terjamin, kesahihan data rendah kerana kemungkinan berlaku kesilapan semasa mengemaskinikan data adalah tinggi dan proses mengemaskinikan maklumat sering berlaku duplikasi data. Dengan adanya EMIS di sekolah, maklumat pelajar, guru dan sekolah yang lengkap



disimpan dan boleh dicapai pada bila-bila masa. Kementerian Pendidikan Malaysia dapat mengendalikan maklumat sekolah dengan lengkap, cepat, tepat, dan terkini.

Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (SMPP/EMIS) secara atas talian yang diaplikasikan di sekolah dikaji untuk mengetahui hubungan dan pengaruh beberapa faktor seperti kefahaman tentang SMPP/EMIS, kekuatan SMPP/EMIS, manfaat daripada penggunaan SMPP/EMIS dan gaya pengurusan pentadbir, penglibatan pengguna dan kepuasan pengguna yang boleh menentukan kejayaan penggunaan sistem maklumat itu di sekolah.

1.2.2 Perkembangan Kajian Sistem Maklumat Pengurusan Di Dunia

Aplikasi pengurusan sistem maklumat pada lewat tahun 1940-an seiring dengan perkembangan generasi komputer yang pertama dari 1946-1956. Kajian tentang aplikasi pengurusan sistem maklumat banyak dijalankan oleh penyelidik di Amerika Syarikat kerana negara itu adalah pelopor dalam bidang pengurusan sistem maklumat. Antara pengkaji terkemuka dalam bidang pengurusan sistem maklumat ialah Franz & Robey (1986), Doll & Torkzadeh (1988), Baroudi & Orlikowski (1988), Goodhue (1998), Garrity & Sanders (1998), Delone & Mclean (1992,2003) Venkatesh, et al.(2002), Wixom and Todd (2005) & Zelazny L.M (2011). Penciptaan dan aplikasi pengurusan sistem maklumat mempunyai fokus yang berbeza-beza mengikut tahun. Pada 1950-an, aplikasi pengurusan sistem maklumat masih kurang dan kebanyakannya dibangunkan bertujuan untuk mencapai kecekapan dan fungsi akaun. Pada 1960-an aplikasi pengurusan sistem maklumat difokuskan



kepada objektif penyeliaan dan pengawalan dalam bidang pemasaran, pembuatan, aliran tunai, dan belanjawan. Dalam tahun 1970-an aplikasi pengurusan sistem maklumat difokuskan kepada aktiviti membuat ramalan, perancangan dan simulasi. Manakala pada 1980-an fokus aplikasi pengurusan sistem maklumat adalah kepada penggunaan *Decision Support Sistem* (DSS). DSS adalah sebuah sistem maklumat yang menyokong, perancangan strategi atau *Executive Support Sistem* (ESS), sistem maklumat untuk penggunaan biasa dan aplikasi pengurusan sistem maklumat yang menggunakan maklumat sebagai sumber strategik. Pada 1990, aplikasi pengurusan sistem maklumat difokuskan kepada objektif membantu dan menyebarkan pengetahuan dan maklumat dalam sesebuah organisasi melalui *Knowledge Work Sistem* (KWS) yang baru ini membantu pengguna untuk mencapai data yang banyak dengan mudah dan menyediakan organisasi tersebut sistem rangkaian yang luas. Pengurusan sistem maklumat telah memainkan peranan yang penting dalam organisasi mulai daripada fungsi dahulunya yang sangat terhad dan menuju ke arah menyokong fungsi – fungsi utama organisasi.

Kajian pengurusan sistem maklumat bermula 1960-an dan mengalami perkembangan yang pesat lewat 1960-an. Pelaksanaan sistem maklumat dalam organisasi pada mulanya menerima tentangan daripada pengguna pada peringkat awal pengenalan sistem itu, sebelum sistem itu diterima pakai. Ini ialah suatu perkara yang biasa kerana pengguna belum mengenali keupayaan sistem maklumat itu secara menyeluruh dan tidak mengetahui manfaat yang bakal diperolehi. Kajian Scarbrough (1993) melaporkan tentang konflik dan kurang kerjasama di antara pengurus dan pakar sistem maklumat dalam menguruskan pengurusan sistem maklumat organisasi. Konflik yang wujud di antara dua kumpulan pekerja ini berlaku



kerana masing-masing ingin menunjukkan siapa yang lebih berkuasa dalam pengurusan sistem maklumat dalam sesebuah organisasi.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Man-Ting, Kao, Dai Chien-Yun, & Harn Charng-Tze (2012) tentang penggunaan sistem maklumat berasaskan web (*ET Web*, 2012) yang digunakan dalam pengajaran. *ET Web* menghubungkan ilmu dan sumber manusia dalam persekitaran pendidikan di Taipei, ia juga ialah landasan untuk guru – guru berhubung untuk menyebarkan ilmu pendidikan. Dengan menggunakan *ET Web* ini, guru secara tidak langsung akan terdedah dengan sistem maklumat. Dalam kajian ini beliau telah mengambil seramai 224 orang guru sekolah menengah rendah dan menengah atas di Bandar Taipei. Menurut Man-Ting, Kao, Dai Chien-Yun, & Harn Charng-Tze (2012) sistem maklumat boleh menyumbangkan kepada kejayaan organisasi pendidikan dan juga pengurusan sekolah

Garrity & Sanders (1998) terdapat banyak kajian tentang penggunaan sistem maklumat dilaksanakan tetapi belum terdapat sebarang kajian yang berjaya menjelaskan model kejayaan sistem maklumat dengan tepat dan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan penggunaan sistem maklumat. Ramai pengkaji telah memperkembangkan model kejayaan sistem maklumat oleh Delone & McLean (1992, 2003). Delone & McLean (1992, 2003) menghasilkan model itu berdasarkan teori ‘User Information Satisfation’ (UIS) yang diperkenalkan oleh Bailey & Pearson (1983) dengan sedikit pengubahsuaiaan. Li (1997) turut menyokong model DeLone & McLean (1992) dan memperkembangkan model itu dengan menambah 7 faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan sistem maklumat oleh Delone & McLean (UIS), model kejayaan sistem maklumat oleh Delone & Mc Lean (1992, 2003) dimanfaatkan dan beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan penggunaan



sistem maklumat. Sehingga kini masih ramai pengkaji menggunakan model ini untuk menerangkan bagaimana menganalisis data untuk kajian sistem maklumat. Peres-Miza (2010) membuktikan bahawa bahawa elemen dalam model ini masih kuat perhubungan dengan sistem maklumat. Dalam kajian yang dijalankan oleh Peres-Miza (2010) menunjukkan bagaimana model Delone & Mclean dapat membantu dan menyokong pengkaji lain agak memahami dimensi sistem maklumat dan melihat bagaiman ia berkaitan antara satu sama lain. Selain itu, menurut Peter et al. (2008) model Delone & Mclean ini adalah titik permulaan kepada setiap kajian sistem maklumat di masa hadapan. Ini kerana ramai pengkaji menyokong atau bersetuju kajian yang berkaitan kejayaan sistem maklumat mempunyai kekuatan kejayaan dalam model ini. Lebih daripada 300 terbitan tertumpu kepada kejayaan sistem maklumat menggunakan model Delone & Mclean.



Penyelidikan yang menilai kejayaan sistem maklumat telah berterusan hampir tiga dekat (Delone & Mclean 1992,2003, Lin & Choo 2000, Mantin, 1979, Myers et at, 1998, Shin 2003). Walau bagaimanapun skop dan pendekatan penyelidikan berubah namun terdapat sedikit perubahan mengenai langkah-langkah yang sesuai untuk menentukan kejayaan sesuatu sistem maklumat. Grover, Tens & Fiedler (1998) menyarankan kajian terhadap sistem maklumat perlu memfokuskan kepada sistem maklumat yang spesifik dan perlu menggunakan skala dan pengurusan terhadap faktor-faktor yang baru. Seddon (1997) ada membuat sedikit perubahan dalam model Delone & Mclean berkaitan susunatur elemen dalam model tersebut selain itu Alter (1992) pula menyatakan terdapat pertindihan antara penilaian sistem dengan sistem kerja. Menurut Perez-Mira (2010) kajian kejayaan sistem maklumat akan lebih maju dengan mendapat sokongan dari Model Delone & Mclean untuk analisis secara keseluruhan organisasi, beliau juga bersetuju dengan perubahan yang





dilakukan oleh Delone & Mclean pada tahun 2003 dengan menambahbaik model tersebut dengan menambah dimensi dan menggabungkan kesan individu dan organisasi.

1.2.2 Perkembangan Kajian Pengurusan Sistem Maklumat Di Malaysia

Pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 1996 dan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 telah membawa negara ini menuju ke era baru ekonomi berasaskan pengetahuan. Program Transformasi kerajaan ini merupakan strategi kerajaan untuk membawa negara ke era maklumat dalam menuju abad ke-20. Salah satu daripada Program Tranformasi kerajaan ialah aplikasi sistem maklumat pengurusan pendidikan berasaskan komputer yang boleh membawa perubahan dalam budaya pengurusan dalam setiap organisasi. Dengan mengaplikasikan sesuatu pengurusan sistem maklumat, sesebuah organisasi dapat mencapai dan mengakses maklumat dengan mudah dan cepat sekali gus dapat membantu pihak pengurusan organisasi dalam membuat keputusan yang cekap dan berkesan (Laudon, 1999).

Di Malaysia, banyak sektor awam dan swasta telah mengaplikasikan pengurusan sistem maklumat dalam organisasi masing-masing tetapi kajian mengenai pengurusan sistem maklumat didokumentasikan secara ilmiah adalah terhad. Di antara aplikasi pengurusan sistem maklumat yang dilaksanakan seperti sistem tempahan tiket kapal terbang, sistem tempahan hotel, sistem maklumat geografi, sistem biometrik, sistem kotak hitam, sistem pakar pesawat perjuang, sistem perpustakaan digital, sistem pungutan zakat, dan sistem pengeluaran wang (Mesin pengeluaran wang). Pengurus atasan menggunakan sejenis pengurusan sistem maklumat iaitu sistem maklumat interaktif untuk berhubung dengan pengurus bawahan dan kakitangan mereka. Dengan menggunakan sistem maklumat

